

RITOVIR (RITONAVIR TABLETS 100MG)

Ritonavir (100 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *RITOVIR*
2. Bagaimana *RITOVIR* berfungsi
3. Sebelum mengambil *RITOVIR*
4. Cara menggunakan *RITOVIR*
5. Semasa menggunakan *RITOVIR*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *RITOVIR*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan *RITOVIR*

RITOVIR digunakan dalam kombinasi dengan ubat anti-HIV lain (*antiretroviral*) untuk mengawal jangkitan HIV anda.

Bagaimana *RITOVIR* berfungsi

RITOVIR adalah *protease inhibitor* yang digunakan untuk mengawal jangkitan HIV.

Sebelum mengambil *RITOVIR*

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan mengambil *RITOVIR*:

Jika anda mempunyai alahan kepada *RITOVIR* atau apa-apa bahan dalam *RITOVIR*.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil *RITOVIR* jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil *RITOVIR* jika anda sedang menyusukan anak.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- *Sebelum mula mengambil*

Beritahu doktor anda jika anda:

- mempunyai sejarah penyakit hati.
- mempunyai kencing manis

- mempunyai penyakit buah pinggang
- mempunyai kekejangan dan sakit sendi
- mengalami sakit atau kelemahan otot
- mengalami kepening, ringan kepala, rasa pengan atau denyutan jantung yang luar biasa.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doctor and jika anda terutamanya mengambil:

- *Sildenafil or tadalafil*
- *Digoxin*
- Hormon pencegah kehamilan
- *Atorvastatin or rosuvastatin*
- *Steroids*
- *Trazodone*
- *Rifampicin and saquinavir*
- *Bosentan*

Cara menggunakan *RITOVIR*

- *Berapa banyak harus digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos biasa tablet *RITOVIR* adalah 600 mg (enam tablet) dua kali sehari. Ia perlu ditelan keseluruhan dan tidak dikunyah, pecah atau dihancurkan

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ambil tablet *RITOVIR* dengan makanan.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan *RITOVIR*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *RITOVIR*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *RITOVIR* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Walaupun anda berasa lebih baik, jangan berhenti mengambil *RITOVIR* tanpa bercakap dengan doktor anda. Mengambil *RITOVIR* seperti yang dinasihatkan akan memberi peluang terbaik untuk melambatkan rintangan terhadap ubat-ubatan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *RITOVIR* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan sampingan *RITOVIR* juga bergantung kepada ubat lain apabila digunakan dengan ubat-ubatan *antiretroviral* lain.

Oleh itu, penting untuk membaca dengan teliti seksyen kesan sampingan risalah yang disediakan dengan ubat-ubatan lain ini.

Kesan sampingan biasa:

- reaksi alahan termasuk ruam kulit (mungkin merah, timbul, gatal), pembengkakan kulit dan tisu lain yang teruk
- keimbangan
- kenaikan kolesterol
- gout
- pendarahan perut
- keradangan hati
- lebih kerap kencing
- mengurangkan fungsi buah pinggang
- dahaga
- Ulser mulut
- kekejangan atau kelemahan otot
- pengurangan berat badan
- kekeliruan
- penglihatan kabur
- bengkok tangan dan kaki
- tekanan darah rendah
- jerawat

Ini bukan senarai kesan sampingan yang lengkap. Jumpa doktor atau ahli

farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang disenaraikan atau tidak disenaraikan di atas selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web <http://npra.moh.gov.my> (Public → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*)

Cara penyimpanan dan pelupusan *RITOVIR*

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di bawah suhu 30°C dan lindungi daripada kelembapan.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Putih hingga putih pudar, berbentuk kapsul, tablet bersalut filem diukir dengan 'H' pada satu belah dan 'R9' pada belah yang lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Ritonavir

- Bahan tidak aktif
Copovidone (Plasdone S 630), Sorbitan monolaurate (Span 20), Calcium Hydrogen Phosphate, Anhydrous (A-Tab), Silica, Colloidal Anhydrous (Aerosil 200), Sodium Stearyl Fumarate, Opadry White 20C58634, Purified Water

- Nombor MAL
MAL17085058AZ

Pengilang

Hetero Labs Limited
Unit-III, 22-110, I.D.A., Jeedimetla,
Hyderabad - 500 055, Telangana, India

Pemegang Pendaftaran Produk

Camber Laboratories Sdn. Bhd.,
Unit E-13A-02, Menara SUEZCAP 2,
No.2, KL Gateway, Jalan Kerinchi,
Gerbang Kerinchi Lestari,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

10/04/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/1)250408/1449